

ISLĀMIYYĀT 38(1) 2016: 85 - 88  
(<http://dx.doi.org/10.17576/islamiyyat-2016-3801-10>)

## Ulasan Buku/*Book Review*

*Tafsir Mawdui: Harta Menurut Perspektif al-Quran*. Oleh Muhd Najib Abdul Kadir, Mazlan Ibrahim & Zulkifli Abd. Mubi. 2015. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 172 halaman, ISBN 978-967-412-275-1 dan Harga RM30.00. Ulasan oleh Salasiah Hanin Hamjah.

*Tafsir Mawdui: Harta Menurut Perspektif al-Quran* ialah antara buku yang boleh menambah koleksi bacaan dalam bidang tafsir, khususnya tafsir *mawdui* mengenai harta dan ekonomi Islam. Buku ini dihasilkan atas usaha gigih Muhd. Najib Abdul Kadir, Mazlan Ibrahim dan Zulkifli Abd. Mubi. Prof. Dr. Muhd. Najib Abdul Kadir dan Prof. Madya Dr. Mazlan Ibrahim merupakan tenaga akademik di Fakulti Pengajian Islam (FPI), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang mempunyai kepakaran dalam bidang tafsir dan '*ulum al-Qur'an*', manakala Zulkifli Abd. Mubi ialah pelajar Sarjana di fakulti yang sama.

Penulis memilih tafsir *mawdui* sebagai domain utama perbincangan dalam buku ini dan tafsir ini merupakan satu metode yang digunakan oleh ahli tafsir dalam memahami ayat-ayat al-Qur'an. Tafsir *mawdui* juga dikenali sebagai tafsir tematik kerana penjelasan mengenai sesuatu ayat disusun bergandingan dengan ayat-ayat lain yang mempunyai topik, tema dan subjek yang sama dalam keseluruhan al-Qur'an.

Buku ini mengandungi tujuh bab. Bab pertama mengupas perbincangan 'Harta menurut Perspektif al-Qur'an'. Harta didefinisikan sebagai setiap benda, barang perniagaan, harta alih, wang, rumah atau binatang yang diperolehi secara individu atau kumpulan. Harta juga merupakan sesuatu yang boleh diambil manfaat daripadanya atau boleh dimiliki, sesuatu yang bernilai dan hanya boleh digunakan oleh pemilikinya. Ayat-ayat al-Qur'an mengenai harta dan pengurusannya turut diulas dengan ringkas seperti harta tidak boleh berlegar dalam kalangan orang kaya sahaja, suruhan menafkahkan harta yang baik, harta kekayaan tidak mampu menyatukan hati-hati manusia, harta boleh menjadi penghalang kepada jalan Allah SWT, harta tidak dapat menebus diri daripada azab neraka, mewasiatkan harta adalah kewajipan, larangan mengambil harta orang lain dengan cara yang salah, cara membelanjakan harta, kaedah pembahagian harta, harta anak yatim dan membelanjakan harta di jalan Allah SWT.

Bab ini turut menjelaskan bahawa harta ialah amanah kepada manusia untuk mentadbir, mengurus dan memeliharanya buat sementara waktu sahaja dalam kehidupan di dunia yang tidak kekal ini,

sedangkan pemilik mutlaknyanya hanyalah Allah SWT. Di samping itu, bab ini turut menyuntik kesedaran dalam kalangan pembaca bahawa harta bukan sahaja sebagai kesenangan di dunia tetapi lebih penting daripada itu harta ialah wasilah bagi melaksanakan kewajipan dan kebajikan sesama manusia seperti membayar zakat dan sedekah.

Bab 2 yang berjudul, 'Implementasi Muamalat Islam Penyelamat Ekonomi' pula mengemukakan definisi dan sejarah ekonomi Islam serta perancangan dan aktiviti ekonomi yang berlaku sejak zaman Nabi Yusuf AS. Zaman kegemilangan ekonomi Islam pula berlaku pada zaman Rasulullah SAW dan Khulafa' al-Rashidin. Pada ketika itu, simpanan *Bayt al-Mal* (Baitulmal) yang dikutip daripada zakat dan jizyah boleh menampung dan menyara hidup seluruh rakyat.

Sistem dan dasar yang terdapat dalam ekonomi Islam merupakan satu-satunya jalan penyelesaian bagi segala permasalahan ekonomi dewasa kini. Sistem ekonomi Islam mempunyai potensi yang amat baik kerana sistem ini adalah berasaskan syariah yang menghalang daripada amalan riba. Kejayaan sistem kewangan Islam ini dicontohi oleh negara luar seperti Australia melalui Koperasi Komuniti Muslim Australia (MCCA) yang membolehkan penduduk Islam membuat pinjaman untuk pembiayaan rumah, kenderaan dan peribadi berlandaskan syariah Islam.

Penulis mencatatkan sesuatu yang amat menarik dalam bab ini kerana menerangkan kaedah meraih keuntungan dalam ekonomi Islam. Sebagai alternatif kepada riba, ekonomi Islam menawarkan sistem jual beli dan mudarabah. Sistem mudarabah memberikan pengagihan keuntungan dan kerugian yang saksama kepada setiap pemodal. Ini adalah lebih adil kepada semua pihak tanpa terdapat unsur penganiayaan kepada pihak lain.

Bab ini juga menjelaskan secara berani tentang bursa saham yang dikatakan mempraktikkan sistem sekular. Sistem ini didapati bertentangan dengan ajaran Islam kerana menjurus ke arah membolot harta orang lain, di samping berusaha untuk mengaut keuntungan melalui pegangan saham orang lain dengan cara bertaruh untuk mendatangkan kerugian kepada pihak yang lain. Sistem begini mempunyai

unsur *gharar* (risiko yang tidak diketahui pada masa hadapan). *Gharar* juga boleh dianggap sebagai sebarang bentuk aktiviti pemalsuan yang tidak ketara pada asalnya seperti judi.

Huraian secara lebih mendalam mengenai 'Ekonomi dalam al-Qur'an' diutarakan dalam Bab 3, yang memberi penjelasan tentang kepentingan aspek ekonomi dalam kehidupan insan. Al-Qur'an ada membicarakan mengenai asas ekonomi Islam dan antaranya ialah seperti sumber ekonomi datangnya daripada Allah SWT dan manusia perlu berusaha serta bekerja mencari rezeki di muka bumi. Al-Qur'an turut menyatakan tentang larangan dalam aktiviti ekonomi, termasuk larangan memakan harta orang lain secara batil, larangan mengamalkan riba dan mengurangkan timbangan dalam jual beli.

Buku ini turut mengemukakan ayat-ayat al-Qur'an berkaitan muamalah dalam ekonomi Islam seperti jual beli, hutang dan upah. Dalam aspek hutang, buku ini menjelaskan kehidupan masyarakat pada hari ini tidak terlepas daripada amalan berhutang kerana membeli kenderaan dan rumah melalui institusi kewangan. Berhutang adalah dibenarkan dengan syarat-syarat tertentu yang telah ditetapkan dalam al-Qur'an (surah al-Baqarah, ayat 282-283). Ayat yang panjang ini mewajibkan umat Islam menulis hutang untuk kebaikan pihak pemberi hutang dan orang yang berhutang. Dalam aspek upah pula, buku ini mengutarakan mengenai hak pekerja yang perlu ditunaikan dengan segera oleh majikan dan memberi gaji sebaik sahaja pekerja selesai melaksanakan tanggungjawab yang diberikan. Majikan yang memaksa pekerja bekerja tanpa membayar upah seolah-olah telah memperhambakan pekerjanya. Selain itu, sistem ekonomi Islam juga menitikberatkan aspek zakat dan sedekah. Penulis cuba menyedarkan khalayak pembaca bahawa zakat dan sedekah dalam Islam boleh berfungsi sebagai cara untuk menyucikan pendapatan. Sedekah juga dapat menghakis sifat tamak dan bakhil selain memupuk perasaan ikhlas. Ini merupakan antara kaedah tarbiah kepada manusia dalam sistem ekonomi Islam. Secara umumnya, Bab 3 membicarakan asas ekonomi dalam al-Qur'an dari sudut sumber, suruhan dan larangan dalam aktiviti ekonomi serta batasan dalam membelanjakan harta supaya tidak tergolong dalam kalangan orang yang dimurkai Allah SWT.

Dalam membicarakan isu ekonomi Islam, Bab 4 pula menghuraikan sentuhan 'Rezeki dalam al-Qur'an'. Penulis menghuraikan pengertian rezeki sebagai bermaksud segala sesuatu yang diberikan oleh Allah SWT kepada makhluk-Nya. Pandangan

ulama seperti Syeikh Abdurrazaq sangat menarik untuk dikongsi dengan pembaca ketika beliau membahagikan rezeki kepada dua, iaitu rezeki umum dan khusus. Rezeki yang umum mencakupi orang baik dan tidak baik, yang Mukmin dan kafir, manakala rezeki yang khusus menjurus kepada hati berupa ilmu, iman dan rezeki yang halal yang dapat memperbaiki agama seseorang hamba. Rezeki ini khusus kepada orang yang beriman sesuai dengan amalan mereka serta ketentuan hikmah-Nya. Pembaca juga didedahkan dengan pelbagai kalimah rezeki dalam al-Qur'an yang meliputi pelbagai makna seperti rezeki bermaksud pemberian, makanan, hujan, nafkah, ganjaran, syurga, buah-buahan dan syukur.

Penulis turut membincangkan hakikat rezeki, iaitu bukan semata-mata dalam bentuk material yang tertumpu kepada duit dan harta kekayaan semata-mata, malah merangkumi semua aspek dalam kehidupan manusia. Umat Islam diingatkan supaya mencari rezeki yang halal dan mengetahui cara membuka pintu rezeki dalam kehidupan seharian. Antara tips yang digariskan dalam al-Qur'an sebagai pembuka rezeki ialah beribadah kepada Allah SWT, menunaikan solat, bertakwa, istighfar dan bertaubat, bertawakkal, menghubungkan silaturrahim dan menginfakkan ke jalan Allah SWT. Tips ini amat menarik untuk dikongsi dengan seluruh umat Islam agar terbuka pintu rezeki yang halal dan mencapai kebahagiaan hidup.

Isu berkaitan emas sebagai satu daripada bentuk mekanisme harta dan sumber ekonomi Islam juga diketengahkan dalam Bab 5 buku ini bertajuk, 'Emas menurut Perspektif al-Qur'an Masa Kini'. Bab ini mengupas beberapa kosa kata yang membawa maksud emas antaranya ialah seperti *al-dhahab*, *zukhruf*, *dinar* dan *maudunah*. Aplikasi dan kepentingan emas pada masa kini ialah sebagai mata wang sunnah yang menjadi asas ekonomi ummah. Antara sebab wang emas diterima dalam muamalah Islam ialah kerana ketetapan nilainya yang mempunyai nilai intrinsik.

Penggunaan mata wang emas telah diiktiraf dalam kalangan bangsa bertamadun. Ini memandangkan mata wang emas mempunyai kelebihan tersendiri seperti bebas daripada kesan inflasi serta dapat menghindarkan daripada unsur riba. Mata wang emas juga mempunyai kepentingan dalam kemajuan sains dan teknologi. Contohnya, emas memainkan peranan penting dalam bidang perindustrian. Emas merupakan pengalir haba dan elektrik yang baik dan tidak mudah dipengaruhi oleh udara dan kebanyakan reagen. Emas juga memainkan

peranan penting dalam penghasilan *circuit* (litar) bagi alat-alat elektrik dan elektronik. Dalam sektor perubatan pula, emas digunakan untuk membuat gigi palsu yang tahan lama dan tidak memberi kesan sampingan kepada pemakainya, di samping berguna sebagai bahan tampalan pada gigi yang berlubang. Kesimpulan bab ini dapat dirumuskan bahawa emas boleh dikaitkan dengan kepentingannya sebagai mata wang sunnah yang boleh menjadi alat untuk memajukan ekonomi umat Islam.

Bagi memperluaskan perbincangan mengenai ekonomi Islam, Bab 6 yang berjudul, 'Krisis Makanan menurut Surah Yusuf' diketengahkan sebagai mengambil pengajaran bagi membina pelan perancangan ekonomi pada masa kini. Bab ini mengemukakan teori ekonomi yang diguna pakai oleh Nabi Yusuf AS bagi menghadapi krisis makanan yang dikupas daripada surah Yusuf. Terdapat beberapa langkah yang disarankan oleh Nabi Yusuf AS kepada rakyat Mesir dalam menghadapi krisis makanan, iaitu bekerja dengan bersungguh-sungguh serta bekerja keras untuk menghasilkan pulangan yang lumayan, terutama hasil gandum, menyimpan stok makanan, memilih jenis simpana makanan, iaitu daripada jenis yang mempunyai kulit luaran yang keras seperti bijirin dan kacang (gandum, barli, padi), mengurangkan penggunaan gandum pada zaman mewah, menggunakan bahan makanan yang disimpan semasa zaman darurat dan menggunakan bahan makanan yang disimpan secara berperingkat-peringkat mengikut tahun simpanan.

Meskipun kisah Nabi Yusuf AS ini telah lama berlalu dalam sejarah, namun teorinya boleh diimplementasikan pada masa kini. Antara pengajaran semasa yang boleh dijadikan iktibar daripada kisah Nabi Yusuf AS ialah seperti berusaha secara maksimum dan berterusan, terutama dalam bidang pertanian yang diyakini mampu memberi pulangan yang lumayan serta berpegang pada prinsip menyimpan untuk masa depan yang cemerlang atau menabung untuk masa depan generasi mendatang. Masyarakat pada masa kini juga perlu merancang strategi menghadapi krisis ekonomi, berpegang kepada konsep ikhtiar, tawakal, takwa, sabar dan konsisten dalam menghadapi krisis makanan sedunia. Pengurusan ekonomi dunia perlu diserahkan kepada orang yang layak dan berwibawa agar ekonomi umat Islam sentiasa stabil dan maju ke hadapan.

Bab 7 yang merupakan bab akhir buku ini diberi tajuk, 'Hamba Abdi dan Isu Permerdagangan Manusia'. Bab ini mengulas secara umum bahawa Islam menolak sistem perhambaan kerana Islam diturunkan untuk memuliakan manusia dan mengatur

kehidupan yang bersesuaian dengan fitrah. Manusia mempunyai tugas utama untuk mengabdikan diri kepada Allah SWT sebagai pencipta-Nya, bukan menjadi hamba kepada sesama manusia. Bab ini turut memperincikan isu permerdagangan manusia yang merupakan satu daripada bentuk ancaman terhadap hak asasi manusia. Antara punca berlakunya permerdagangan manusia ialah seperti buruh paksaan dan kanak-kanak, pelacuran paksaan, penyeludupan bayi, industri pornografi, perdagangan dadah, penjualan organ dan pelajar asing. Isu perhambaan dan permerdagangan manusia adalah diharamkan dalam Islam kerana mencabul hak asasi dan keadilan kepada manusia. Sekiranya isu berkaitan permerdagangan manusia tidak diatasi dengan efektif, dibimbangi permasalahan ini kelak akan menjejaskan ekonomi umat Islam itu sendiri.

Setelah meneliti keseluruhan isi kandungan buku ini, beberapa kekuatan buku ini dapat dikenal pasti antaranya ialah buku ini berjaya mendedahkan pendekatan tafsir *mawdui* yang mengulas sesuatu isu itu berasaskan tematik. Meskipun terdapat banyak kaedah lain dalam pentafsiran masa kini seperti *tafsir tahlili* (tafsir secara analisis), *tafsir ijmal* (tafsir secara ringkas) dan *tafsir muqaran* (tafsir secara perbandingan), namun tafsir *mawdui* lebih mendapat tempat di hati umat Islam kerana kaedah ini memudahkan umat Islam untuk lebih mendalami isi kandungan al-Qur'an.

Antara kekuatan buku ini juga ialah pemilihan topik utama, iaitu berkaitan isu harta dan ekonomi Islam yang amat sesuai pada masa kini. Ini kerana pada era globalisasi ini, kebanyakan manusia sibuk mengejar kekayaan sehingga kadang-kadang terlupa mengenai panduan al-Qur'an berkaitan harta dan ekonomi. Dengan demikian, ini boleh membantu umat Islam untuk mencapai kehidupan yang diredai Allah SWT.

Pembacaan menyeluruh terhadap buku ini mendapati cakupan semua isu yang dibincangkan dalam Bab 1 hingga 7 dengan judul buku itu sendiri adalah terhad. Judul buku ini ialah *Tafsir Mawdui: Harta Menurut Perspektif al-Quran* dan ia hanya bertepatan dengan perbincangan dalam Bab 1 sahaja, manakala bab-bab selepas itu lebih menumpukan perbincangan berkaitan ekonomi Islam. Adalah lebih harmoni sekiranya kupasan berkaitan ekonomi dalam al-Qur'an diletakkan pada bab awal buku ini dan bukannya pada Bab 3. Ini memandangkan kefahaman mengenai ekonomi Islam yang jelas dapat membantu khalayak pembaca untuk memahami perbincangan seterusnya. Perbincangan mengenai

definisi ekonomi turut disentuh secara berulang, iaitu pada Bab 2 dan 3. Bagi menjadikan buku ini lebih menarik, pertautan antara satu bab dengan bab yang lain boleh dipersembahkan agar kelihatan perkaitannya dengan tema utama yang hendak ditonjolkan.

Secara holistik, buku ini dirangka bagi menjelaskan tafsir *mawdui* berkaitan harta dan ekonomi Islam yang amat bermanfaat untuk bacaan seluruh masyarakat Islam dengan kupasan dan ulasan ilmiah yang baik. Secara tidak langsung, buku ini memberi ruamh pendedahan kepada pembaca untuk memahami aplikasi tafsir *mawdui* yang dapat mendorong masyarakat Islam untuk lebih

memahami ajaran yang terkandung dalam al-Qur'an sebagai panduan kebahagiaan dalam kehidupan di dunia dan akhirat.

Salasiah Hanin Hamjah  
Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan  
Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi  
Selangor Darul Ehsan  
MALAYSIA  
[salhanin@ukm.edu.my](mailto:salhanin@ukm.edu.my)